

SISTEM KETENTERAAN KERAJAAN MADINAH PADA ZAMAN NABI MUHAMMAD S.A.W.

Oleh

Prof. Madya W. Yahaya bin W. Ahmad

Abstract

This article describes the existance of the Islamic Government in Madinah headed by Rasulullah s.a.w. Under his administration, offices were introduced. One of them was the Arm Forces. This writing explains how the office was organised by the prophet, this included the appointment of the military chiefs.

Pengenalan

Dengan termeterinya perjanjian Madinah *Sahifah Madinah*, terdirilah sebuah kerajaan Islam yang pertama di dunia. Ia diketuai oleh Muhammad Rasulullah s.a.w. Negara Madinah yang masih muda dan masyarakat Islam yang lemah dengan jumlah bilangan orang Islam yang masih sedikit, memerlukan suatu pengawasan dan kawalan yang baik bagi keselamatan hartabenda dan nyawa rakyatnya. Ini kerana mereka berada di tengah-tengah musuh yang sentiasa berusaha untuk menghalang perkembangan Islam di rantau itu.

Bagi tujuan itu, *Sahifah Madinah*, fasal 18 menyatakan, maksudnya, “setiap penyerangan yang dilakukan oleh pihak musuh, merupakan tentangan terhadap semua warganegara”.¹ Di dalam fasal 36 menerangkan,

¹Hamidullah, *The First Written Constitution in the world*, Ashraf 1975, h. 5.

Muhammad s.a.w merupakan ketua kerajaan Madinah yang diterima dan diiktiraf oleh semua golongan masyarakat. Oleh yang demikian, bagi kepentingan masyarakat Madinah dan perkembangan Islam, Baginda s.a.w memperkenalkan satu sistem ketenteraan yang diletakkan di bawah pentadbirannya.

Al-Waqidi di dalam bukunya *Kitab al-Maghazi* menulis, Rasulullah s.a.w menghantarkan pasukan tenteranya yang pertama ke daerah berhampiran Madinah pada Ramadhan, 1 H. (Mac 623 M.), dan penghantaran angkatan yang terakhir pula ialah pada Safar 11 H. (Jun 632 M.).² Shalabi, di dalam *Mausu'ah al-Tarikh al-Islami* menyebut, Rasulullah s.a.w pernah memimpin angkatan tentera sebanyak 27 kali dan yang berlaku pertempuran sebanyak 9 kali. Manakala M. Yasin Mazhar Siddiqui di dalam bukunya menyebut, "dari mula terdirinya Kerajaan Madinah sehingga kewafatan Rasulullah s. a. w, sebanyak 74 perlantikan untuk *al-Saraya* (ekpedisi) dibuat oleh Baginda s.a.w, melibatkan seramai 49 panglima tentera (18 orang dari golongan Quraisy dan 31 orang dari suku-suku lain bukan Quraisy).³ Keterangan lanjut sila lihat jadual berikut:

²Al-Waqidi, *Kitab al-Maghazi*, Jld. 1, Beirut, h. 9; Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *Organization of Goverment Under The Holy Prophet (s.a.w)*, Lahore, 1982, h. 139; Ibn Hisham dan al-Tabari menyatakan bahawa *al-sarriyah* yang pertama ialah yang dipimpin oleh Abu 'Ubaydah b. al-Harith. Lihat Ibn Hisham, Jld. 1, h. 317; Al-Tabari, II, h. 432. Tetapi kebanyakan penulis moden menerima catatan al-Waqidi dan pengikut-pengikutnya. Lihat, Watt, W.M., *Muhammad at Madinah*, h. 2, 85, 86; Mahmud Shit Khattab, *al-Rasul al-Qaid*, Baghdad, 1958, h. 51-52.

³Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 139.

Sistem Ketenteraan Kerajaan Madinah Pada Zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Jadual 1: Quraisy

<i>Bil.</i>	<i>Suku Kaum</i>	<i>Bilangan Angkatan</i>	<i>Bilangan Panglima</i>
1	Bani Hashim	5	3
2	Bani Umayyah	4	4
3	Bani Sham	3	2
4	Bani Makhzum	5	2
5	Bani Fihir	3	2
6	Bani Zuhrah	2	2
7	Bani Muttalib	1	1
8	Bani Taym	1	1
9	Bani 'Adi	1	1
	Jumlah	25	18

Jadual 2: Suku Kaum Lain

<i>Bil.</i>	<i>Suku Kaum</i>	<i>Bilangan Angkatan</i>	<i>Bilangan Panglima</i>
1	Khazraj	11	8
2	Aws	6	3
3	Kalb	10	2
4	Bali	1	1
5	Sulaym	1	1
6	Ghatfan	1	1
7	Hawazin	2	2
8	Qays 'Aylan	2	2
9	Asad	4	3
10	Kinanah	7	4
11	Azd	2	2
12	Bajilah	2	2
13	Tidak dapat dipastikan	4	3
	Jumlah	49	31

Jadual 3

Bil.	Suku Kaum	Bilangan Angkatan	Bilangan Panglima
1	Quraisy	25	18
2	Suku-suku lain	49	31
	Jumlah	74	49

Perlantikan Panglima-Panglima

Kalau dilihat kepada jadual-jadual di atas, perlantikan itu diagih-agih kepada suku kaum yang tinggal di Madinah. Ini dapat menerangkan rupa bentuk masyarakat Islam Madinah pada masa itu. Dari kalangan Quraisy, Bani Umayyah menerima perlantikan panglima lebih dari yang lain. Mungkin ramai dari suku tersebut orang yang gagah berani serta berkemampuan dari segi pimpinan. W. M. Watt di dalam bukunya, *Muhammed at Mecca* menyebut, pada zaman sebelum Islam camp (golongan) Abd. Sham menguasai politik Mekah. Tidak lama sebelum kelahiran Islam, Abu Sufian adalah di antara yang berperanan di Mekah. Kebanyakan kunci pimpinan berada di tangannya.⁴

Suku-kaum lain yang mendapat tempat ialah suku Aws dan Khazraj - iaitu dua suku yang terbilang di Madinah. Dari mereka perlantikan sebanyak 17 kali melibatkan 8 dari Khazraj dan 3 dari Aws. Perbezaan ini berlaku kerana bilangan orang Khazraj melebihi Aws, termasuklah kemudahan-kemudahan yang dimiliki olehnya. Suku Kilb diwakili oleh Zayd ibn Harithah - *ma'wla* Rasulullah s.a.w dan anaknya Usamah ibn Zayd. Kedua-duanya menerima penghormatan dengan dilantik sebanyak 10 kali sebagai panglima tentera.⁵

⁴Azraqi, *Akhbar Mekah*, Beirut, 1964, h. 64, 66.

⁵Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 143.

Suku Asad dan Kinanah pula menerima perlantikan,⁶ dengan Asad sebanyak 4 kali melibatkan 3 panglima; Kinanah 7 kali dengan 4 orang panglima. Bilangannya agak ramai dari kedua-dua suku tersebut, kerana mereka adalah di antara yang terawal menyertakan diri ke dalam masyarakat Islam Madinah. Rasulullah s.a.w tidak melantik dari kalangan keluarganya yang terdekat kecuali tiga orang, Hamzah (bapa saudaranya) Ja'afar dan Ali ibn Abi Talib.⁷

Oleh kerana perkhidmatan ketenteraan masih tidak berbentuk sebagai sebuah lembaga yang tetap, maka semua perlantikan ke jawatan panglima tentera itu adalah bersifat sementara. Ia akan berakhir apabila selesai tugas masing-masing.

Pada umumnya dasar perlantikan ke jawatan panglima berdasarkan sumbangan, kemampuan dan yang lebih awal menggabungkan diri ke dalam masyarakat Madinah.⁸ Ia tidak berasaskan kekeluargaan, suku puak serta kedudukan. Tidak ramai dari kalangan keluarga terdekat Rasulullah s.a.w yang terlantik. Zayd ibn Harithah dan anaknya Usamah dari golongan *mawali*. Ramai panglima yang terlantik dipilih dari suku-kaum yang tinggal di Madinah, sebagai tertera di dalam jadual di atas.

Pentadbiran Peringkat Wilayah

Selalunya gabenor-gabenor diberi kuasa untuk mentadbirkan wilayah masing-masing termasuklah hal-hal berkenaan ketenteraan. Tetapi di dalam keadaan tertentu, pihak pusat di Madinah mengambil alih kuasa itu bagi tujuan keselamatan wilayah dan penduduknya. Contohnya, di al-Yaman, *Usd al-Ghabah* menyebut,⁹ Abdullah b. Abi Rabi'ah dari suku

⁶*Ibid.*

⁷Ibn Hisham, Jld. 1, h. 595; II, h. 373, 612; Al-Baladhuri, *Ansab al-Ashraf*, Jld. 1, h. 371, 378, 380; Al-Tabari, I, h. 1402.

⁸Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 159.

⁹Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, III, h. 155.

Makhzum ditugaskan untuk mengetuai satu angkatan dan dikirimkan ke al-Yaman kira-kira di antara tahun 9 H. dan 11 H. (630 M-632 M). Pada masa itu gabenor di al-Yaman disandang oleh Mu'adh ibn Jabal al-Khazraji. Pada masa pemerintahan Umar ibn al-Khattab bidang kuasa pertahanan (ketenteraan) diletakkan di bawah pengurusan Madinah, iaitu dengan terbentuknya sistem *diwan*, bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kebijakan seluruh umat Islam.

Penyusunan Tentera Di Medan Pertempuran

Ibn Khaldun di dalam bukunya *al-Muqaddimah* menulis, lama sebelum Islam orang Arab menggunakan sistem *al-karr wa al-farr* (attack and retreat). Tetapi tidak lama sebelum Islam mereka pula menggunakan sistem *ta'biyah* (mobilization/kerahan).¹⁰ Hal ini dilakukan kerana, pertama: untuk menghadapi musuh dengan lebih berkesan; dan keduanya supaya tentera Islam lebih tersusun dan bersedia. Setengah ahli-ahli sejarah menamakan sistem itu dengan *al-Khamis* (lima penjuru).

Reuben Levy di dalam bukunya, *The Social Structure of Islam*, menyebut, *al-Khamis*¹¹ telah pun diamalkan pada masa Rasulullah s.a.w iaitu di dalam peperangan Badr dan Mu'tah. Ia juga pernah dilaksanakan pada masa sebelum Islam dan sesudah Islam. Al-Tabari juga menyebut, orang Arab menggunakan sistem *al-Khamis* itu ketika mereka berperang menentang Parsi di dalam peperangan Zi Qarr.

Sistem *al-Khamis* ialah penetapan angkatan tentera di medan peperangan kepada lima tempat:

¹⁰Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, Cairo, bhg. 37, h. 272-3; Mahmud Shit Khattab, *op.cit.*, h. 78, 79.

¹¹Lihat, Levy, Reuben, *The Social Structure of Islam*, Cambridge, 1962, h. 428; Al-Tabari, II, h. 209-10.

barisan hadapan (vanguard/muqaddamah) ;
sayap kanan (right-wing/maymanah) ;
sayap kiri (left-wing/maysarah) ;
barisan belakang (rearguard/saqah) ; dan
kedudukan pusat (centre/qalb)

Ibn Khaldun menulis, *qalb* ialah tempat ketua panglima angkatan tentera bersama-sama pengiring dan penasihat-penasihatnya.¹² Al-Waqidi menyebut, Rasulullah s.a.w di peperangan Badr berada di sebuah *al-'arish* (khemah) yang terletak di tengah-tengah pasukannya. Di sanalah Baginda s.a.w mengeluarkan arahan-arahan.¹³ Manakala kedua belah sayap pula ditempatkan ketua khusus yang dilantik oleh panglima angkatan untuk memimpin tentera-tentera di tempat tersebut. Di sebelah hadapan *qalb* ialah barisan hadapan, di sini ditempatkan seorang ketua dengan seorang pembawa bendera. Manakala *saqah* ditugaskan menyediakan peralatan dan segala keperluan tentera. *Saqah* juga merupakan pemerhati segala pergerakan dan kedudukan pasukan, sama ada pada masa bergerak (berjalan) juga dalam keadaan bertempur.

Sistem *al-Khamis* itu selalunya dilaksanakan di dalam *al-ghazawat* yang biasanya dipimpin oleh Rasulullah s.a.w sendiri. Ia jarang dipraktikkan di dalam angkatan *al-saraya*, kecuali *al-sariyyah* yang dipimpin oleh 'Amr ibn al-'As ke Zat al-Salasil dengan 500 tentera; Abd. al-Rahman ibn Awf ke Dumat al-Jandal dengan 700 tentera; dan Usamah ibn Zayd ke Mu'tah dengan 3,000 tentera. Hal ini terjadi kerana kebanyakan *al-saraya* itu selalunya tidak dianggotai oleh bilangan tentera yang ramai. Terdapat *al-sariyyah* yang disertai oleh kurang dari 10 orang.

Berhubung dengan perlaksanaan sistem itu, terdapat banyak contoh di dalam buku-buku sejarah. ibn al-Athir di dalam bukunya¹⁴ menulis

¹²Ibn Khaldun, *op.cit.*, h. 272.

¹³Al-Waqidi, *op.cit.*, 58, 70, 71.

¹⁴Ibn al-Athir, *Usd. op. cit.*

berkenaan Uhud. Beliau melaporkan, sayap kirinya (maysarah) diketuai oleh al-Mundhir ibn ‘Amr. Al-Tabari¹⁵ pula menyebut bahawa barisan hadapan (muqaddamah) diketuai oleh Hamzah ibn Abd. al-Muttalib dan al-Waqidi di dalam *Kitab al-Maghazi* menyatakan dua kali istilah *saqah*, bila beliau bercakap tentang Safwan ibn al-Mu‘attal yang ditugaskan sebagai ketua di barisan belakang.

Pembahagian Pasukan

Di dalam penyusunan pasukan tentera pada masa itu, tentera Islam dibahagi kepada lima:¹⁶

1. Pasukan berjalan kaki;
2. Pasukan berkuda;
3. Pasukan pemanah;
4. Bahagian senjata; dan
5. Bahagian kelengkapan dan keperluan.

Berhubung dengan pasukan-pasukan di atas, al-Waqidi¹⁷ dan Ibn Sa‘d menyebut, di dalam angkatan Rasulullah s.a.w di peperangan Badr, Qays ibn Sa‘ah dari Khazraj dilantik menjadi panglima pasukan berjalan kaki. Al-Tabari pula menyebut di dalam peperangan Uhud dan Zu Amarr, al-Zubayr ibn al-‘Awwam dari Asad dan Sa‘d ibn Zayd dari Aws ditugaskan mengetuai pasukan berkuda. Manakala urusan persenjataan diberi kepada Aws ibn Khauli di dalam angkatan ke Khaybar. Di dalam angkatan Ali ibn Abi Talib ke al-Fuls, Abdullah ibn ‘Atik dari Khazraj diberi tugas memimpin pasukan berjalan kaki.

¹⁵ Al-Tabari, II, 508.

¹⁶ Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 169.

¹⁷ Al-Waqidi, *op.cit.*, h. 26; Ibn Sa‘d, *op.cit.*, III, h. 517.

Jabatan-Jabatan Ketenteraan

Di antara jabatan-jabatan yang terdapat di dalam pentadbiran ketenteraan pada masa Rasulullah s.a.w ialah:

1. *al-Haris*

Ialah pegawai-pegawai tentera yang dilantik semasa ketiadaan Rasulullah s.a.w. seperti ketika Baginda s.a.w keluar ke medan peperangan atau untuk berdakwah. *Al-Haris* bertanggungjawab dalam semua urusan di Madinah, terutama berkenaan keselamatan kota itu dan penduduknya. Contohnya, ketika Baginda s.a.w berangkat ke medan Uhud, Sa'd ibn Mu'adh dilantik mengetuai satu pasukan pengawal untuk menentukan keamanan dan mempertahankan Madinah dari serangan jika berlaku demikian.¹⁸ Semasa Baginda ke medan Khandak dilantiknya 2 panglima untuk bertugas di Madinah, mereka ialah, Zayd ibn Harithah dan Salmah ibn Aslam. Zayd dengan 300 tentera dan Salmah dengan 200 tentera.¹⁹ Panglima-panglima itu merupakan wakil dan naibnya di dalam negeri.

2. *Tali'ah* dan *'Uyun*

Setengah buku sejarah memberi gambaran *tali'ah* sebagai pasukan pengakap dan *'uyun* pula sebagai pengintip. Tugas pasukan *tali'ah* di bawah kerajaan Rasulullah ialah sebahagian dari tugas ketenteraan, iaitu menjadi pengintip bagi pihak panglima angkatan tentera di medan peperangan. *Tali'ah* mempunyai sedikit perbezaan dari *uyun*:²⁰

- i. *Tali'ah* selalunya bertugas dalam satu kumpulan yang kecil. Biasanya dianggotai oleh 3 - 20 tentera. Sedangkan *uyun* dihantar ke satu-satu tempat itu bersendirian ataupun berdua sahaja.

¹⁸ Al-Baladhuri, *op.cit.*, h. 314.

¹⁹ Al-Waqidi, *op.cit.*, h. 460.

²⁰ Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 182.

- ii. *Tali‘ah* bertugas lebih terbuka, manakala ‘*uyun* bertugas secara rahsia.
- iii. *Tali‘ah* selalunya dipilih oleh panglima pasukan dari tenteranya, dan dihantar ke hadapan pasukan untuk meninjau kedudukan, persiapan dan bilangan tentera pihak musuh. Maklumat itu kemudiannya dibawa ke pengetahuan ketua panglimanya. ‘*Uyun* ditugaskan untuk mengintip reaksi pihak musuh, sama ada di medan perperangan ataupun di tempat mereka sendiri. Al-Waqidi menulis,²¹ pada Rabi‘ al-Awwal 6 H. (Julai 627 M), apabila Rasulullah s.a.w sampai ke Lihyan dalam satu angkatan, berikutnya Baginda menghantar Abu Bakar dengan 10 tentera untuk meninjau kedudukan musuh. Tetapi apabila Abu Bakar sampai di al-Ghamim tidak ada angkatan musuh di situ, lalu beliau kembali menceritakan kepada Rasulullah s.a.w. Ibn al-Athir di dalam *Usd al-Ghabah* melaporkan, Umayyah ibn Khuwaylid al-Zamuri dihantar sebagai *uyun* untuk mendapat maklumat berkenaan reaksi Quraisy Mekah selepas peristiwa *al-Raji‘*.²²

3. *Dalil (Penunjuk Jalan)*

Pasukan ini ditugaskan sebagai penunjuk jalan bagi angkatan tentera, kafilah dakwan, kafilah perdagangan serta mengawal perjalanan dari keganasan penjahat. Al-Waqidi menulis, angkatan tentera yang dipimpin oleh Abu Salmah ibn Abd. al-Asad dari Qatan melantik al-Walid ibn Zuhayr dari Tayyi sebagai penunjuk jalan kepada mereka. *Usd al-Ghabah* mencatat, Mas‘ud ibn Hunaydah al-Aslami ditugaskan sebagai *dalil* kepada angkatan Rasulullah s.a.w ke Muraysi'.²³

²¹Al-Waqidi, *op.cit.*, h. 536; Ibn Sa‘d, II, h. 79.

²²*Ibid.*; Ibn al-Athir, *op.cit.* IV, h.360

²³*Ibid.*, h. 360.

4. Pegawai Rampasan Perang Dan Orang Tawanan

Terdapat sumber-sumber sejarah yang menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w pernah melantik seorang pegawai atau lebih bagi mengendalikan pengurusan harta rampasan perang *ghazawat* atau *saraya* bagi semua angkatan. Beberapa orang pegawai berjaya dikesan di dalam catatan lama bermula dari angkatan yang pertama Badr 2 H. (624 M) sehingga yang terakhir yang berlaku di dalam tahun 9 H. (631 M). Al-Waqidi menyebut, Rasulullah s.a.w melantik Abdullah ibn Ka'b dari Khazraj bagi menguruskan rampasan Badr. Manakala Shuqrān mawlanya ditugaskan berkenaan orang tawanan (*asra*). Namun demikian, terdapat juga seorang pegawai ditugaskan untuk mengendali *maghanim* dan *asra*, seperti Muhammad ibn Maslamah, ketika angkatan menentang Yahudi Bani Qaynuqa'.²⁴

5. Pegawai Persenjataan Dan Kuda

Tidak terdapat catatan yang lengkap berkenaan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengurus peralatan senjata yang diperlukan oleh angkatan tentera Islam. Namun, adalah dipercayai, Rasulullah pasti memberi perhatian yang penting dalam perkara ini. Rata-rata mengetahui, negara Islam yang muda itu menghadapi berbagai kekurangan, termasuklah kekurangan alat senjata. Mereka tidak mempunyai kilang untuk membuat jenis-jenis senjata yang diperlukan. Penulis-penulis sejarah membawa contoh, bila orang-orang Islam berada di medan peperangan Badr dan Uhud, kelengkapan mereka jauh kekurangan jika dibandingkan dengan peralatan yang dimiliki oleh pihak musuh. Keadaan selalu berlakunya peperangan di antara orang Islam dengan musuh-musuh mereka memaksa Kerajaan Madinah mengumpul dan mengadakan sebanyak mungkin bahan keperluan untuk peperangan termasuklah alat-alat senjata. Hal ini selari dengan tuntutan al-Qur'an, *al-Anfal* (8):60 :

²⁴ Al-Waqidi, *op.cit.*, h. 100, 105, 178; Ibn Sa'd, *op.cit.*, II, h. 30.

وَاعِدُوا لَهُم مَا أَسْتَطْعَتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ
تَرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

(“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat disediakan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap, supaya dengan itu dapat mengerunkan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu...”.)

Hasil kajian menunjukkan bahawa perhatian telah diberikan oleh Kerajaan Madinah. *Usd al-Ghabah* menyatakan berkenaan hal ini, bahawa pernah Rasulullah s.a.w mencari beberapa kuda sebelum Badr dan diserahkan supaya dijaga dan dilatih oleh Sa'd ibn As'ad ibn Zurarah al-Khazraji.²⁵ Kemudian pasukan berkuda terus berkembang dengan baiknya. Banyak istilah *al-fursan* dan *al-khayl* boleh didapati di dalam buku-buku sejarah bila mereka membincangkan berkenaan peperangan pada zaman Rasulullah s.a.w.²⁶

Kemenangan yang pertama bagi pasukan Islam di dalam peperangan, mereka berjaya mengumpulkan rampasan perang (maghanim), kemudian dibahagikan di antara pejuang-pejuang Islam. Cara ini merupakan di antara bagaimana mereka dapat menambah dan memiliki peralatan perang. Yang selebihnya disimpan di gedung bagi milik kerajaan.²⁷ Dari ini mula terbentuknya ‘gedung senjata’ bagi Kerajaan Madinah.

Di antara peralatan perang yang dirampas di dalam peperangan²⁸ ialah unta, kulit (untuk simpan air), baju kulit dan berbagai jenis pakaian

²⁵Ibn al-Athir, *op. cit.* II, h. 268.

²⁶Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 200.

²⁷*Khunus* (1/5) diserah kepada kerajaan, lihat *Ibid.* h. 200.

²⁸Al-Waqidi, *op.cit.*, h. 84-104.

dan barang lain kegunaan harian, senjata-senjata seperti pedang (suyuf), baju besi (duru') topi besi (biz) jenis lembing (rimah) dan lain-lain. Baginda Rasulullah s.a.w pernah menerima pedang rampasan yang dipanggil *Zu al-Fiqr* kepunyaan Munabbih ibn al-Hajjaj. Dua pedang lain kepunyaan ibn 'Aiz al-Makhzumi dan al-'As ibn Munabbih, kedua-duanya diberi kepada sahabatnya.

Al-Waqidi menyebut, di dalam peperangan Uhud tentera Islam telah menggunakan berjenis-jenis senjata, menggunakan baju besi (duru') dan pasukan berkuda. Rampasan melalui pertempuran tentera Islam dengan Yahudi Madinah dan sekutunya di Khaybar menambahkan simpanan gedung senjata kerajaan Islam Madinah. Al-Waqidi menyebut,²⁹ apabila Bani Qaynuqa' menyerah kalah setelah dikepung selama 15 hari, mereka meninggalkan banyak alat senjata termasuk 400 *duru'*. *Maghanim* yang besar ialah yang dirampas dari Bani Qurayzah, iaitu kira-kira 1,500 pedang, 300 baju, 2,000 lembing dan 1,500 perisai. Kenyataan yang disebut di atas hanya sebahagian dari apa yang diperolehi, dan menjadi sumber kepada gedung senjata tentera Islam. Punca lain ialah derma dari masyarakat Islam Madinah sendiri. Al-Waqidi menyebut, Uthman ibn Affan menyediakan 1/3 dari kelengkapan untuk angkatan ke Tabuk. *Usd al-Ghabah* pula menyatakan³⁰ beliau (Uthman) membelanjakan 70,000 dirham untuk angkatan itu; Abu Bakar mendermakan 4,000 dirham. Penderma-penderma lain ialah 'Umar al-Khattab, al-'Abbas ibn 'Abd. al-Muttalib, Talhah ibn 'Ubaydullah, Abd. al-Rahman ibn 'Awf, Sa'd ibn 'Ubada, Muhammed ibn Maslamah, 'Asim ibn 'Adi dan lain-lain.

6. Pengawal Peribadi

Orang-orang Islam memberi perhatian yang kuat di dalam menjaga keselamatan Rasulullah s.a.w. Lebih-lebih lagi pada zaman awal terdirinya Kerajaan Islam Madinah. Ini kerana Baginda s.a.w merupakan penggerak

²⁹ *Ibid.*, h. 510.

³⁰ Al-Baladhuri, *op.cit.*, h. 368

utama ke arah pembangunan dan keteguhan kerajaan tersebut. Dari itu didapati Baginda s.a.w sentiasa mempunyai pengawal khusus di mana sahaja Baginda s.a.w berada, terutamanya bila berada di medan peperangan. Perkara yang seperti ini bukanlah suatu yang luar biasa bagi seorang pemimpin. Perjanjian ‘Aqabah yang terakhir golongan ‘Ansar telah memberi pengakuan bahawa mereka akan memberi perlindungan kepada Baginda s.a.w dari semua rupa tindakan musuhnya.

Al-Tabari menulis,³¹ di dalam angkatan ke Badr, Sa‘d ibn Mu‘adh dari Aws bertugas sebagai pengawal peribadi Rasulullah s.a.w. Beliau mengawal pintu masuk ke khemah Baginda s.a.w ('arish). Selepas peperangan Uhud, ‘Usayd ibn al-Huzayr dari Aws menjadi pengawal di rumah Rasulullah s.a.w sebab ada berita mengatakan pihak musuh sedang berusaha untuk membunuh Rasulullah s.a.w. Di dalam satu angkatan lain ke Hamra’ al-Asad khemah Rasulullah s.a.w dikawal oleh beberapa tentera, mereka ialah: Sa‘d ibn Mu‘adh, ‘Abbad ibn Bishr, ‘Ubayd ibn Aws dan Qatadah ibn al-Nu‘man. Mereka dari suku Aws; dan Sa‘d ibn ‘Ubadah, Hubab ibn al-Mundhir dan Aws ibn Khawli,³² ketiga-tiganya dari Khazraj. Di antara lain, selain dari yang disebutkan di atas, ialah ‘Ammar ibn Yasir dari Mazhij *halif* (sekutu) Makhzum di Mekah, dan Bilal ibn Ribah *mu‘azzin* Rasulullah s.a.w.

Kalau dilihat kepada catatan yang terdapat di dalam buku-buku sejarah, suku Aws dan Khazraj lebih ramai ditugaskan sebagai pengawal Rasulullah s.a.w. Manakala suku-suku lain tidak ramai yang dilantik. Supaya lebih jelas berikut ialah jadual berkenaan perlantikan tersebut:

³¹ Al-Tabari, II, h. 449.

³² Al-Waqidi, *op.cit.*, h. 334, 336; Mazhar Siddiqui, M. Yasin, *op.cit.*, h. 208.

Sistem Ketenteraan Kerajaan Madinah Pada Zaman Nabi Muhammad s.a.w.

<i>Bil.</i>	<i>Suku Kaum</i>	<i>Perlantikan</i>	<i>Bilangan orang</i>
1	Aws	10	6
2	Khazraj	5	4
3	Mazhij	1	1
4	Habshi	1	1
	Jumlah	17	12

Dari pembentangan ini dapatlah disimpulkan bahawa Kerajaan Madinah yang di bawah pimpinan Rasulullah s.a.w mempunyai satu jabatan ketenteraan. Ia berperanan untuk keselamatan kerajaan tersebut dan juga semua penduduk kota itu. Muhammad s.a.w adalah ketua negara dan ketua tertinggi angkatan bersenjata Madinah.

Panglima-panglima tentera dilantik bila ada angkatan (al-saraya) yang akan ke medan peperangan atau untuk urusan-urusan tertentu (perundingan) dengan pihak musuh. Perlantikan mereka bersifat sementara. Apabila selesai urusan (peperangan atau seumpamanya) maka jawatan itu berakhir dan tamat dengan sendirinya. Perlantikan baru akan dibuat bila terdapat keperluan yang lain. Para panglima dipilih dari suku-kaum Muslim yang tinggal di Madinah. Kriteria pemilihan berdasarkan kebaikan, keberanian, kemampuan pimpinan dan yang lebih awal menggabungkan diri ke dalam masyarakat Islam Madinah. Baginda s.a.w tidak melantik dari keluarganya yang terdekat kecuali 3 orang sahaja, mereka ialah Hamzah (bapa saudaranya), Ja'afar ibn Abi Talib dan 'Ali ibn Abi Talib.

Berkenaan peralatan perang, mereka mendapat peralatan itu melalui rampasan perang. Selain dari itu ianya juga diperolehi melalui derma-derma para sahabat Rasulullah s.a.w.

